

Publication	Harian Metro	Section/Page No.	
Date	Isnin, 26 September 2022	Lead Article	
Headline	Takaful Malaysia Harap Program Baucar Perlindungan Tenang Diteruskan		

Takaful Malaysia harap Program Baucar Perlindungan Tenang diteruskan



Nor Azman Zainal, ketika lawatan korporat Takaful Malaysia ke Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya. FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

Kuala Lumpur: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) berharap Program Baucar Perlindungan Tenang yang diperkenalkan pada bajet tahun lalu dapat diteruskan dalam Bajet 2023 bagi membantu peningkatan kadar penembusan industri takaful di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Nor Azman Zainal berkata, tahap kesedaran bagi memiliki perlindungan takaful masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat Malaysia.

"Paling penting kita harus melihat keperluan untuk meningkatkan kesedaran takaful kerana kadar penembusannya masih lagi di bawah 20 peratus dan masih ramai beranggapan takaful ini hanya terhad kepada takaful motor saja.

"Walhal, selain produk takaful keluarga dan am, banyak lagi produk di bawah perlindungan takaful contohnya untuk bencana banjir, kebakaran, perlindungan bagi penyakit kritikal, simpanan dan pendidikan boleh didapati.

"Justeru, kami berharap dalam pembentangan Bajet 2023 kelak dapat menyentuh mengenai akses mudah kepada takaful sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan takaful di negara ini.

"Selain itu, usaha kerajaan dalam Program Baucar Perlindungan Tenang yang dilaksanakan sejak tiga tahun lalu dapat diteruskan supaya kita boleh membantu bukan sahaja golongan B40 mendapat perlindungan, malah kumpulan M40 yang turut sama merasai tekanan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media sempena lawatan korporat Takaful Ikhlas ke Media Prima Berhad (Media Prima) di Sri Pentas, di sini, hari ini.

Menyambut kedatangan syarikat itu, Media Prima diwakili Pengerusi Kumpulan, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid; Pengarang Urusan Kumpulan The News Straits Times Press, Mustapha Kamil Mohd Janor; Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Audio, Nazri Noran; Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Mohd Efendi Omar dan Pengurus Besar Kumpulan, Pejabat Pengerusi MPB, Azlan Abdul Aziz.

Menurut Nor Azman, kunjungan itu bertujuan membolehkan syarikat memahami dengan lebih dekat operasi penyiaran serta mengeratkan lagi hubungan untuk manfaat bersama.

Beliau berkata, melangkah ke hadapan, pihaknya berharap Takaful Malaysia dan Media Prima Omnia dapat mengembangkan lagi kerjasama sedia ada terutama bagaimana untuk melaksanakan strategi menembusi pasaran takaful menggunakan platform masing-masing.